



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

LIMPAHAN LIMAU MANDARIN DI KUSKOP SEMPENA TAHUN BAHARU CINA

PUTRAJAYA, 14 FEBRUARI – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Steven Sim Chee Keong, baru-baru ini telah mengedarkan limau mandarin kepada hampir 550 warga kerja kementerian sempena kehadiran Tahun Baharu Cina tidak lama lagi.

YB Menteri telah turun ke setiap bahagian dan unit kementerian bagi bertemu serta menyampaikan sendiri limau mandarin kepada para penjawat awam. Beliau berkata, pemberian limau mandarin bukan sekadar simbol perayaan, tetapi turut melambangkan doa dan harapan yang baik.

Menurut beliau, pemberian limau mandarin bukan sekadar tradisi perayaan, malah melambangkan doa, kemakmuran, dan harapan yang baik untuk tahun baharu. Dalam budaya masyarakat Cina, buah limau dikaitkan dengan tuah dan rezeki kerana sebutannya hampir sama dengan perkataan yang membawa maksud keberuntungan dan emas.

Simbolik tersebut mencerminkan aspirasi agar seluruh warga kementerian dikurniakan kesejahteraan, kesihatan, dan kejayaan dalam melaksanakan amanah kepada rakyat. Kehadiran Tahun Kuda kali ini juga disifatkan sebagai simbol tenaga, keberanian, dan daya tahan yang tinggi. Oleh itu, semangat tersebut perlu diterapkan dalam usaha memperkukuh dan memperkasa perusahaan mikro, kecil, dan sederhana di negara ini.

Sehubungan itu, beliau berharap seluruh warga Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dapat melangkah ke tahun baharu dengan semangat yang lebih kental, berfikiran progresif dan terus komited dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan negara demi kemakmuran bersama.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
14 FEBRUARI 2026